



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

LAPORAN HARIAN - SABTU, 11 JANUARI 2025



LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



11/1/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
1	TASKA ADA KES POLIS, TIDAK DAPAT LULUS MUDAH – NANCY SHUKRI		POSITIF
	https://www.utusan.com.my/nasional/2025/01/taska-ada-kes-polis-tidak-dapat-lulus-mudah-nancy-shukri/	UTUSAN.COM.MY	
	https://www.thestar.com.my/news/nation/2025/01/10/govt-to-re-evaluate-registration-of-nurseries-linked-to-infant-deaths-injuries	THESTAR.COM.MY	
	https://www.bernama.com/en/general/news.php?id=2381234	BERNAMA.COM	
	https://www.youtube.com/watch?v=clBfDcq4iGA	YOUTUBE	
	https://www.nst.com.my/news/nation/2025/01/1159185/nancy-stringent-steps-childcare-centre-licensing-approval-essential	NST.COM.MY	
	https://thesun.my/malaysia-news/kpwkm-to-re-evaluate-registration-applications-of-nurseries-linked-to-infant-death-and-injuries-HH13504542	THESUN.MY	
	https://www.tvsarawak.my/2025/01/10/permohonan-pendaftaran-taska-terpalit-kes-penderaan-kematian-diteliti-semula-nancy/	TVSARAWAK.MY	
	https://berita.rtm.gov.my/highlights/senarai-berita-highlights/senarai-artikel/installation-of-registration-plaque-as-recognition-of-a-safe-and-quality-nursery-kpwkm	BERITA.RTM.GOV.MY	
	https://www.youtube.com/watch?v=tGBqbaRfIVk	YOUTUBE	
	https://www.nst.com.my/news/nation/2025/01/1159122/unlicensed-childcare-centres-under-review-after-child-death-abuse	NST.COM.MY	
	https://www.utusanborneo.com.my/2025/01/10/kpwkm-teliti-semula-permohonan-pendaftaran-taska-susulan-insiden-kecederaan-kematian-bayi	UTUSANBORNEO.COM.MY	
	https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/pemasangan-plak-berdaftar-iktiraf-taska-selamat-dan-berkualiti-kpwkm	BERITA.RTM.GOV.MY	
	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/kpwkm-teliti-semula-permohonan-pendaftaran-taska-susulan-insiden-kecederaan-kematian-bayi-504038	ASTROAWANI.COM	
	https://www.sinarharian.com.my/article/706424/berita/nasional/video-permohonan-pendaftaran-taska-insiden-kematian-kecederaan-bayi-diteliti-semula#google_vignette	SINARHARIAN.COM.MY	
	https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=2381216	BERNAMA.COM	
	https://www.kosmo.com.my/2025/01/10/perlu-pertimbangan-teliti-sebelum-lulus-permohonan-lesen-taska/	KOSMO.COM.MY	

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



11/1/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
2	61 CHILDCARE CENTRES LOSE REGISTRATION OVER VIOLATIONS IN PAST YEAR		NEGATIF
	https://www.nst.com.my/news/nation/2025/01/1159129/61-childcare-centres-lose-registration-over-violations-past-year	NST.COM.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
3	MASIH ADA 135 TASKA TIDAK BERDAFTAR DI SELANGOR		NEGATIF
	https://www.sinarharian.com.my/article/706383/edisi/selangor-kl/masih-ada-135-taska-tidak-berdaftar-di-selangor	SINARHARIAN.COM.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
4	BAYI MAUT: TASKA DIDAPATI TAK PATUHI NISBAH PENGASUH		NEUTRAL
	https://www.kosmo.com.my/2025/01/10/bayi-maut-taska-didapati-tak-patuhi-nisbah-pengasuh/	KOSMO.COM.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
5	BAYI MAUT ASBAB KECUAIAN TASKA, UYAINA SARAN 'CHECK' DI JKM		NEUTRAL
	https://www.kosmo.com.my/2025/01/10/bayi-maut-asbab-kecuaian-taska-uyaina-saran-check-di-jkm/	KOSMO.COM.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
6	JKM CARI WARIS KANAK-KANAK DITINGGALKAN DI HOSPITAL MELAKA		NEUTRAL
	https://www.sinarharian.com.my/article/706352/edisi/melaka-ns/jkm-cari-waris-kanak-kanak-ditinggalkan-di-hospital-melaka	SINARHARIAN.COM.MY	

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



11/1/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
7	MAS SHHERRA DICARI UNTUK SAHKAN STATUS ANAK ANGKAT		NEUTRAL
	https://www.utusan.com.my/berita/2025/01/mas-shherra-dicari-untuk-sahkan-status-anak-angkat/	UTUSAN.COM.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
8	W.R.U.R: KEMBARA KAK SOM DEKATI MASYARAKAT		POSITIF
	https://www.melakahariini.my/w-r-u-r-kembara-kak-som-dekati-masyarakat/	MELAKAHARIINI.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
9	KEBAJIKAN WARGA KUALA LINGGI TIDAK DILUPA		POSITIF
	https://www.melakahariini.my/kebajikan-warga-kuala-linggi-tidak-dilupa/	MELAKAHARIINI.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
10	SESI TEMU RAPAT MENTERI: KEBAJIKAN WARGA EMAS JADI KEUTAMAAN		POSITIF
	https://malaysiatribune.news/2025/01/10/sesi-temu-rapat-menteri-kebajikan-warga-emas-jadi-keutamaan-kuala-lumpur-sesi-temu-rapat-menteri-di-jabatan-perdana-menteri-wilayah-persekutuan-dr-zaliha-mustafa-bersama-warga-emas-wil/	MALAYSIATRIBUNE.NEWS	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
11	PERSEKITARAN KERJA KONDUSIF, GALAKKAN PENGLIBATAN WANITA		POSITIF
	https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/persekitaran-kerja-kondusif-galakkan-penglibatan-wanita	BERITA.RTM.GOV.MY	

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



11/1/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
12	BANYAK FAKTOR HALANG PENYERTAAN WANITA DALAM SEKTOR TENAGA – NURUL IZZAH		NEUTRAL
	https://www.utusan.com.my/nasional/2025/01/banyak-faktor-halang-penyertaan-wanita-dalam-sektor-tenaga-nurul-izzah/	UTUSAN.COM.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
13	56,044 ORANG DI SARAWAK TERIMA BANTUAN BULAN JKM PADA 2024		POSITIF
	https://www.tvsarawak.my/2025/01/10/56044-orang-di-sarawak-terima-bantuan-bulan-jkm-pada-2024/	TVSARAWAK.MY	
	https://www.astroawani.com/videos/video-terkini-x7sio1/56-044-orang-terima-bantuan-bulanan-jkm-sarawak-pada-2024-x9c4514	ASTROAWANI.COM	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
14	BUDAK AUTISME HILANG, PAKAIAN DAN KASUT DITEMUI TEPI LONGKANG		NEUTRAL
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/01/1175100/budak-autisme-hilang-pakaian-dan-kasut-ditemui-tepi-longkang	HMETRO.COM.MY	
	https://www.kosmo.com.my/2025/01/10/budak-lelaki-autisme-hilang-kasut-ditemui-tepi-longkang/	KOSMO.COM.MY	
	https://www.utusan.com.my/berita/2025/01/kanak-kanak-autisme-hilang-baju-dan-kasut-ditemukan-tepi-longkang/	UTUSAN.COM.MY	
	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/kanakkanak-autistik-tujuh-tahun-dikhuatiri-hilang-terjatuh-longkang-504062	ASTROAWANI.COM	
	https://www.sinarharian.com.my/article/706497/berita/semasa/kanak-kanak-autistik-dikhuatiri-hilang-terjatuh-longkang	SINARHARIAN.COM.MY	

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



11/1/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
15	CABUL REMAJA 14 TAHUN, LELAKI DIPENJARA 5 TAHUN, 2 SEBATAN		NEGATIF
	https://www.buletintv3.my/mahkamah/cabul-remaja-14-tahun-lelaki-dipenjara-5-tahun-2-sebatan/	BULETINTV3.MY	
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/01/1174973/bapa-baru-timang-anak-dipenjara-5-tahun-2-sebatan-kerana-cabul	HMETRO.COM.MY	
	https://www.bharian.com.my/berita/kes/2025/01/1347433/pek-erja-kilang-baru-timang-anak-dipenjara-5-tahun-2-sebatan-kerana-cabul	BHARIAN.COM.MY	
	https://www.youtube.com/watch?v=IIQryghd8eU	YOUTUBE	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
16	BEKAS GURU BESAR DIDAKWA PELUK, CIUM GURU PELATIH		NEGATIF
	https://www.bharian.com.my/berita/kes/2025/01/1347540/bek-as-guru-besar-didakwa-peluk-cium-guru-pelatih	BHARIAN.COM.MY	
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/01/1175017/beka-s-guru-besar-nafi-cabul-guru-pelatih-dalam-kereta-tandas	HMETRO.COM.MY	



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

LAPORAN ANALITIK HARIAN
SABTU, 11 JANUARI 2025



JKM



JPW



LPPKN



ISM



LKM



YKN



TAGS


LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm




LIPUTAN KESELURUHAN MEDIA TRADISIONAL

PECAHAN RANGKUMAN BERDASARKAN KATEGORI



PECAHAN RANGKUMAN BERDASARKAN KATEGORI




LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM


www.kpwkm.gov.my • kpwkm




LIPUTAN KESELURUHAN MEDIA TRADISIONAL




LIPUTAN BERDASARKAN JENIS MEDIA



LIPUTAN BERDASARKAN BAHASA MEDIA



LIPUTAN PECAHAN SENTIMEN



PEMPENGARUH MEDIA UTAMA

TAJUK BERITA	JUMLAH LIPUTAN
KPWKM teliti semula permohonan pendaftaran taska susulan insiden kecederaan, kematian bayi	16
Budak autisme hilang, pakaian dan kasut ditemui tepi longkang	5
Pekerja kilang baru timang anak dipenjarakan 5 tahun, 2 sebatan kerana cabul	4


TAJUK BERITA UTAMA

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM


www.kpwkm.gov.my • kpwkm




LIPUTAN KESELURUHAN MEDIA SOSIAL



LIPUTAN BERDASARKAN PLATFORM MEDIA SOSIAL



LIPUTAN PECAHAN SENTIMEN



PEMPENGARUH UTAMA/KOL

TAJUK BERITA	JUMLAH LIPUTAN
<u>KPWKM teliti semula permohonan pendaftaran TASKA</u>	7
<u>Kanak-kanak lelaki autisme berusia tujuh tahun dilapor hilang berhampiran rumahnya di Taman Tunku Tabor. Budak autisme hilang</u>	2
<u>Nur Widad Jamadin turut disahkan mengalami masalah jantung kongenital dan terpaksa bergantung kepada alat bantuan oksigen sejak lahir</u>	2

TAJUK TOPIK UTAMA

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



LIPUTAN KESELURUHAN MEDIA SOSIAL


FRASA PALING POPULAR

trend yang sedang meningkat dalam mesej berkaitan topik



HASHTAG PALING POPULAR

mesej dalam perbincangan dengan menggunakan hashtag yang relevan.



LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm




LIPUTAN KESELURUHAN MEDIA

METRIK UTAMA

Mentions	Impressions	Interactions	Avg. influence score	Opinion leaders
918 ↓	37.02M ↓	63.81k ↓	5.2/10 ↑	183 ↓
30.98% less than in previous period	-22.17% less than in previous period	-39.89% less than in previous period	3.88% more than in previous period	-21.79% less than in previous period

LIPUTAN PECAHAN SENTIMEN




Net sentiment

This is +7 points compared to the previous period.

Analyzed 918 mentions

- 267 with positive sentiment
- 259 with neutral sentiment
- 392 with negative sentiment




Mostly negative

The majority of conversations about this topic have negative sentiment.

SUSURMASA LIPUTAN - ISU ISU SEMASA

- "KPWKM teliti semula permohonan pendaftaran taska susulan insiden kecederaan, kematian bayi"
- "Budak autisme hilang, pakaian dan kasut ditemui tepi longkang"
- Pekerja kilang baru timang anak dipenjara 5 tahun, 2 sebatan kerana cabul



LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



ANALISIS LIPUTAN MEDIA - AGENSI

TOPIK UTAMA

PERSEKITARAN KERJA KONDUSIF, GALAKKAN PENGLIBATAN WANITA LIPUTAN BERITA

- o PUTRAJAYA, 10 Januari- Persekitaran kerja yang kondusif perlu terus diwujudkan bagi menggalakkan penglibatan wanita.
- o Timbalan Ketua Setiausaha (Sektoral) Kementerian Ekonomi, Datuk Dr Yatimah Sarjiman berkata ini termasuk penyediaan peluang latihan dan pendidikan bagi mempersiapkan tenaga kerja mahir terutama dalam sektor peralihan tenaga.
- o "Kerjasama sentiasa menjadi asas kepada inovasi, terutamanya dalam industri yang dinamik seperti tenaga, sama ada projek perdagangan elektrik rentas sempadan atau penerokaan teknologi baharu muncul seperti tenaga nuklear.
- o "Kepelbagaian dalam pemikiran dan kepimpinan amat penting untuk mencari penyelesaian kepada cabaran yang kompleks.
- o "Dengan memupuk pasukan inklusif dan memanfaatkan pelbagai perspektif, kami boleh memastikan bahawa strategi kementerian teguh dan ke hadapan," katanya pada Majlis Pelancaran buku Women in Energy di sini.
- o Majlis disempurnakan Raja Permaisuri Perak, Tuanku Zara Salim.

CADANGAN

Kolaborasi dan Usaha Tambahan - Kesedaran melalui Kempen Media dengan Menganjurkan kempen kesedaran nasional tentang pentingnya mewujudkan persekitaran kerja kondusif untuk wanita. Menggunakan media massa dan media sosial untuk menonjolkan kisah kejayaan wanita yang berjaya dalam pekerjaan mereka. Pendekatan ini bertujuan menggalakkan penyertaan wanita secara berterusan dalam tenaga kerja, mengurangkan halangan untuk bekerja, dan menyokong wanita yang memainkan peranan penting dalam ekonomi dan pembangunan negara.

TINDAKAN

- KPWKM



Foto RTM

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Taska ada kes polis, tidak dapat lulus mudah – Nancy Shukri



NANCY Shukri beramah mesra bersama kanak-kanak taska pada Majlis Pelancaran Plak Pendaftaran Taska di Taska Seri Kandi Jabatan Audit Negara, Kompleks F, Putrajaya. - UTUSAN/FAIZ ALIF ZUBIR

Oleh MAISARAH SHEIKH RAHIM 10 Januari 2025, 5:19 pm

PUTRAJAYA: Permohonan dua premis taska untuk mendaftarkan operasi mereka tidak dapat diluluskan dengan mudah berikutan terdapat isu kematian dan insiden kecederaan terhadap bayi jagaan masing-masing baru-baru ini.

Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga Dan Masyarakat, Datuk Seri Nancy Shukri berkata, pihaknya perlu membuat pertimbangan teliti sebelum meluluskan permohonan dua taska itu kerana ia turut melibatkan kelulusan pihak berkuasa lain.

"Dalam tindakan polis (kes kematian taska), maka ianya tidak dapat luluskan dengan mudah.

"Ia memerlukan kelulusan daripada pihak bertanggungjawab seperti bomba, pihak berkuasa tempatan. Jika di Sarawak pula, kita ada Jabatan Tanah dan Survey (sebelum dapat kelulusan)

"Jadi, perlu pertimbangan dan penelitian. Kalau kita luluskan dengan begitu sahaja, ia boleh melibatkan keselamatan kanak-kanak kita," katanya di sini hari ini.

Beliau berkata demikian ketika ditanya mengenai perkembangan kes bayi berusia empat bulan yang maut di sebuah taska di Saujana Putra, Selangor pada Jumaat minggu lalu.

Pada masa sama, seorang bayi berusia lapan bulan juga mengalami kecederaan dan lebam dipercayai digigit kanak-kanak lain di sebuah taska dekat Kuching, Sarawak Selasa lalu.

Difahamkan, premis tersebut tidak berlesen dan permohonan sudah dihantar kepada pihak berkuasa.

Nancy berkata, pihaknya juga mempunyai kuasa untuk menyita mana-mana taska yang gagal mematuhi peraturan di bawah Akta Taman Asuhan Kanak-Kanak 1984.

"Tahun lalu, sebanyak 94 tindakan penguatkuasaan telah diambil Jabatan Kebajikan Masyarakat dan Jabatan Pembangunan Kanak-Kanak di seluruh negara terhadap taska yang gagal mematuhi peraturan.

"Ia melibatkan sejumlah 61 tindakan membatalkan pendaftaran, arahan bertulis (1), tutup sementara (5), tindakan penguatkuasaan lak (8) dan kompaun (22)," katanya.

Susulan itu, Nancy meminta kepada golongan ibu bapa untuk menghantar anak-anak ke taska berdaftar bagi memastikan keselamatan anak-anak pada tahap maksimum.

Ketika ini, terdapat sejumlah 3,198 taska berdaftar yang mempamerkan plak taska berdaftar yang merupakan inisiatif KPWK. – UTUSAN

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



61 childcare centres lose registration over violations in past year

By Hakim Mahari - January 10, 2025 @ 6:01pm



Women, Family, and Community Development Minister Datuk Seri Nancy Shukri said the actions included 22 fines, five temporary closures, eight seizures, and one written order.-NSTP FILE PIC

PUTRAJAYA: A total of 61 childcare centres nationwide have had their registrations revoked for regulatory violations, out of 94 centres subjected to legal action.

Women, Family, and Community Development Minister Datuk Seri Nancy Shukri said the actions included 22 fines, five temporary closures, eight seizures, and one written order.

She said that some of the cases involved serious issues, such as child abuse, neglect, and placing children in unsafe situations.

"For unregistered childcare centres, we are taking legal action to close them down. Under the law, we have the authority to shut these centres down.

"We did not just address these issues, but also ensure that some centres comply with specific regulations, which grant us the authority to intervene or shut them down if needed," she said after launching the plaque registration for Taska Seri Kandi today.

Nancy also said specific guidelines for enforcement actions, including warnings and closure orders for childcare centres under police investigation, were issued.

These guidelines took effect on April 10, 2023, ensuring that swift and decisive action could be taken in cases involving childcare centres under investigation.

She said the ministry stresses the importance of ensuring that every childcare centre operating in the country is registered.

"We aim to reassure parents and the public that every registered childcare centre complies with the Childcare Centres Act 1984 and the Childcare Centres Regulations 2012."

The registered childcare centre plaque is one of the efforts and solutions to make it easier to verify a childcare centre's legitimacy status, in addition to checking the Department of Social Welfare's website at www.jkm.gov.my.

The registration plaque must be displayed or affixed in a visible location on the exterior of the childcare centre premises to ensure that parents and the public can clearly see it.

She also called on all parties wishing to operate childcare centres to register as required by law to further enhance parents' and guardians' confidence in the childcare services provided in Malaysia.

As of today, only 3,198 registered childcare centres have been recorded.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Masih ada 135 taska tidak berdaftar di Selangor



MOHD AZLIM ZAINURY [Follow](#)

10 Januari 2025 01:33pm



Seorang bayi lelaki berusia empat bulan dilaporkan maut selepas dihantar ke sebuah Taska tidak berlesen di Bandar Saujana Putra. Gambar kecil: Anfaal

SHAH ALAM - Terdapat 135 taman asuhan kanak-kanak (taska) di Selangor tidak berdaftar sehingga Disember tahun lalu dan berada di bawah tindakan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM).

Exco Pembangunan Wanita dan Kebajikan Masyarakat, Anfaal Shaari berkata, bagi taska tidak berdaftar itu, pihaknya menggunakan pelbagai pendekatan termasuk mengadakan operasi berkala sejak awal 2023.

"Hasil operasi dan semakan sehingga Disember lalu, kerajaan negeri mendapati sebanyak 980 taska telah mendaftar, manakala 135 taska tidak berdaftar namun dalam pengetahuan pihak JKJ.

"Kerajaan negeri mengambil serius dan tegas terhadap operasi taska tidak berdaftar ini kerana ia melibatkan keselamatan dan nyawa kanak-kanak yang dijaga," katanya kepada Sinar Harian pada Jumaat.

Terdahulu, taska di Bandar Saujana Putra, Kuala Langat di negeri ini yang dipercayai terdapat dalam kes kematian seorang bayi lelaki berusia empat bulan, telah diarahkan tutup pada Rabu.

Pengarah JKJ Selangor, Azmir Kassim dilaporkan berkata, pihaknya mendapat maklumat mengenai insiden berkenaan daripada polis pada Ahad minggu lalu.

Ketua Polis Daerah Kuala Langat, Superintendan Akmalrizal Radzi dilaporkan berkata, pihaknya menerima panggilan kecemasan kira-kira jam 3.29 petang daripada doktor sebuah klinik.

Menurutnya, bayi itu dilaporkan dibawa pengasuh taska dalam keadaan pucat kebiruan pada bibir dan kaki, tiada nadi serta nafas selain tiada pergerakan anak mata apabila disuluh lampu.

Katanya, siasatan juga mendapati taska berkenaan tidak berlesen dan dalam proses permohonan.

Mengulas lanjut mengenai, Anfaal berkata, walaupun dari sudut penguatkuasaan ia berada di bawah JKJ namun kerajaan negeri akan mengesan agensi terdapat serta memantau perkembangan insiden tersebut.

"Pendekatan kita bukan secara menghukum sebaliknya mengambil pendekatan mendekati operator dan pengasuh agar mereka dapat mengikuti kursus asas penjagaan pengasuhan kanak-kanak.

"Usaha ini disokong jawatankuasa khas ditubuhkan untuk menyelaraskan garis panduan dan syarat baharu pendaftaran, selaras komitmen kerajaan negeri memastikan keselamatan kanak-kanak diutamakan.

"Ini termasuk menyasarkan garis panduan pendaftaran dapat diselaraskan dengan JKJ dan pihak berkuasa tempatan agar ia seragam bagi mempercepatkan proses pendaftaran," katanya.

Selain itu, jelasnya, sebanyak RM400,000 diperuntukkan sebagai geran khas untuk menggalakkan pendaftaran taska secara sah dan setiap taska layak boleh memohon geran maksimum sehingga RM5,000.

"Geran pendaftaran ini termasuk kepada operator Pusat Jagaan Warga Emas dan mana mana operator boleh memohon bermula ia dibuka secara rasmi pada 15 Januari ini," jelasnya.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Bayi maut: Taska didapati tak patuhi nisbah pengasuh

Oleh MOHD YUNUS YAKKUB 10 Januari 2025, 1:28 pm



Taska tidak berdaftar yang disita di Bandar Saujana Putra, semalam. - Foto oleh AFIQ RAZALI

KUALA LANGAT – Taman Asuhan Kanak-kanak (Taska) tidak berdaftar di Bandar Saujana Putra di sini, yang disita ekoran kematian bayi lelaki berusia empat bulan didapati tidak mematuhi nisbah ditetapkan di bawah Peraturan-Peraturan Taman Asuhan Kanak-Kanak 2012.

Pengarah Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Selangor, Azmir Kassim berkata, siasatan pihaknya mendapati hanya terdapat dua pengasuh yang menjaga 25 anak asuhan.

Katanya, jumlah tersebut jelas tidak mematuhi prosedur operasi standard (SOP) yang telah ditetapkan JKJ.

Ujarnya, peraturan menetapkan nisbah pengasuh hendaklah satu nisbah tiga (seorang pengasuh untuk tiga kanak-kanak di bawah satu tahun dan satu nisbah lima (seorang pengasuh bagi lima kanak-kanak berumur satu tahun hingga tiga tahun).

“Untuk 10 kanak-kanak berumur tiga tahun hingga empat tahun pula adalah seorang pengasuh bagi 10 kanak-kanak. Jelas, taska tersebut langsung tidak mengikut peraturan ditetapkan JKJ,” katanya ketika dihubungi Kosmo!, di sini hari ini.

Kosmo! semalam melaporkan, seorang bayi lelaki berusia empat bulan maut selepas dihantar ke sebuah taska tidak berlesen di Bandar Saujana Putra, Jumaat minggu lalu.

Susulan itu, arahan penutupan dan penyitaan telah dibuat JKJ terhadap premis berkenaan.

Azmir menegaskan pihaknya turut mendapati pengusaha berkenaan gagal memastikan pengasuh yang dilantik mempunyai sijil Kursus Asuhan dan Didikan Awal Permata.

Tambahnya, ia berikutan hanya seorang daripada dua pengasuh mempunyai sijil tersebut dengan masing-masing berusia 20an.

“Justeru, kita mengingatkan taska yang beroperasi diwajibkan berdaftar dan memiliki lesen yang sah selain mematuhi Akta Taska.

“Kakitangan terlatih amat perlu bagi mengelakkan kejadian seumpamanya itu. Namun, yang menjadi masalah apabila terdapat taska-taska ini beroperasi dahulu sebelum memohon untuk mendapatkan lesen sah,” katanya. – KOSMO! ONLINE

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Bayi maut asbab kecuaian taska, Uyaina saran 'check' di JKM

Oleh NUR AL-FAIRUZA SYARFA NOR SAIDI 10 Januari 2025, 10:26 am



Memiliki anak kecil, Uyaina sangat terkesan dengan berita kematian bayi usia empat bulan didakwa berlaku di sebuah pusat asuhan.

PETALING JAYA – “Periksa dulu sama ada (taska) berdaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM).”

Demikian saranan pengacara Uyaina Arshad seraya memaklumkan sangat terkesan dengan kematian bayi usia empat bulan didakwa berlaku di sebuah pusat asuhan.

Kata Uyaina atau nama sebenarnya, Saidatul Naseha Uyaina Arshad, 33, kejadian yang berlaku itu sangat menyayat hati terutama buat para ibu seperti yang mempunyai anak kecil.

“Kalau berdaftar, sekiranya apa-apa berlaku kita boleh ambil tindakan dan taska tersebut boleh disiasat dan ditutup.

“Hancur hati baca luahan hati seorang ibu yang baru sahaja kehilangan anaknya. Nak cari taska dan tadika. Semua buat saya jadi takut sebenarnya. Nauzubillah,” katanya.

Ibu kepada dua cahaya mata itu tidak ketinggalan menzahirkan rasa takziah buat keluarga Allahyarham Handzalah atau nama sebenar Khairul Handzalah Sufi Khairul Azwan yang meninggal dunia, Jumaat lalu.

“Salam takziah untuk ibu dan ayah baby Handzalah. Semoga kalian bertemu semula di syurga nanti,” ujarnya.

Sebelum ini, tular luahan sedih seorang wanita menerusi hantaran aplikasi X mengenai bayinya yang meninggal dunia didakwa disebabkan kecuaian pihak taska.

Wanita itu mendakwa anaknya ditinggalkan bersendirian di dalam bilik dan dibiarkan tanpa pengawasan sehingga tidak boleh bernafas. – KOSMO! ONLINE

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



JKM cari waris kanak-kanak ditinggalkan di Hospital Melaka



NOR FARHANA YAACOB [Follow](#)

10 Januari 2025 11:05am



Yasha Maryann ditinggalkan di Hospital Melaka oleh ibu kandungnya pada 2022.

ALOR GAJAH - Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Daerah Alor Gajah mencari waris seorang kanak-kanak perempuan bagi membantu prosedur pengambilan anak angkat kanak-kanak tersebut.

Yasha Maryann On Yuvenish berusia tiga tahun dan merupakan mangsa pengabaian ibu kandung bukan warganegara yang meninggalkan mangsa di Hospital Melaka pada 2022.

JKM Alor Gajah menerusi kenyataan pada Jumaat memaklumkan, ibu bapa pelihara telah ditawarkan untuk menjaga kanak-kanak itu selama dua tahun bermula dari tarikh surat tawaran iaitu pada 19 Januari 2023.

Menurut kenyataan itu, ibu bapa pelihara kini ingin mengangkat kanak-kanak terbabit di bawah seksyen 30(4) Akta kanak-kanak 2001 selepas melebihi tempoh pemeliharaan, jagaan dan kawalan ibu bapa peliharaan.

"Ketika usianya dua bulan ibu kandung telah menghilangkan diri dan kanak-kanak terbabit telah ditinggalkan di Hospital Melaka.

"Oleh itu kami ingin mengesan ibu kandung atau waris bagi membantu siasatan sebelum kanak-kanak itu di bawa semula ke mahkamah," menurut JKJ.

Justeru JKJ meminta sesiapa yang mengenali waris kanak-kanak itu atau mempunyai sebarang maklumat supaya menghubungi Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah Alor Gajah di talian 06-5561267.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Mas Shherra dicari untuk sahkan status anak angkat



ASRIZUL Sumadi menunjukkan sijil kelahiran anak angkatnya yang kini berusia enam tahun di rumahnya di Taman Saujana, Kluang.

Oleh ADNAN IBRAHIM 10 Januari 2025, 7:45 am

KLUANG: Pasangan suami isteri mencari seorang wanita yang menyerahkan bayinya kepada mereka selepas sehari dilahirkan di Johor Maternity Specialist, di sini enam tahun lalu.

Asrizul Sumadi, 40, berkata, wanita tersebut, Mas Shherra Arveena Noor Masri yang kini berusia 25 tahun diperlukan untuk membantu proses menyerahkan **anak** angkat secara sah di Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM).

Katanya, wanita berkenaan membantunya menguruskan pendaftaran kelahiran di Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) Kluang sebelum meninggalkan bayi yang diberi nama Nadien Javier Asrizul Abdul Salam, 6, yang ketika itu berusia dua hari kepada mereka.

"Kira-kira lima hari selepas menyerahkan bayi itu kepada isteri saya, Noraishah Paimin, 35, wanita itu terus menghilangkan diri tanpa dapat dikesan dan dipercayai sudah mendirikan rumah tangga.

"Wanita itu pernah tinggal di Jalan Bunga Raya, Kampung Melayu, namun berpindah selepas kelahiran bayi pada 30 Julai 2019," katanya kepada Utusan Malaysia.

Anak angkat mereka itu akan memulakan sesi persekolahan dibuka hujung Februari ini dan wanita berkenaan amat diperlukan untuk menyelesaikan urusan penyerahan anak angkat secara sah di JKM kepada mereka

"Mereka yang mengenali wanita ini atau dia boleh berhubung dengan saya menerusi talian 012-7356758 untuk mengatur pertemuan bagi menguruskan hal-hal berkaitan di JKM," katanya.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



KALSOM dan Rosli bersama agensi kerajaan bergambar bersama selepas mengadakan gotong-rotong pada Program Khidmat Bantu Di Rumah (KBDR) DUN Kuala Linggi dalam Kembara Kak Som Wakil Rakyat Untuk Rakyat (WRUR) di Lot 8483 Kampung Telok, Kuala Sungai Baru. Foto Muhammad Rasul Azli Samad

W.R.U.R: KEMBARA KAK SOM DEKATI MASYARAKAT

NURSALIAWATI SALBERI
JUMAAT, 10 JANUARI 2025 @ 19:26

Masa Membaca: 1 Minit, 44 Saat

KUALA LINGGI 10 Januari – Kembara Kak Som yang menjelajah ke segenap pelosok Dewan Undangan Negeri (DUN) Kuala Linggi bersempena Program Wakil Rakyat Untuk Rakyat (W.R.U.R) akan mendekati dan menyantuni golongan kurang berkemampuan dalam memastikan kebajikan mereka terbelas.

Exco Pembangunan Wanita, Keluarga dan Komuniti negeri Datuk Kalsom Noordin, berkata, bersama-sama dengannya dalam siri jelajah itu untuk menyantuni rakyat bukan sahaja Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) tetapi juga beberapa lagi agensi lain termasuklah Jabatan Pembangunan Wanita (JPW) dan Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN).

Katanya, pembabitan pelbagai agensi itu perlu bagi memastikan setiap permasalahan atau aduan diterima ketika siri jelajah dapat diselesaikan dalam tempoh segera.

“Jelajah ini selain menyantuni golongan kurang bernasib baik, kita juga turut menyelitkan advokasi tentang gangguan seksual dan pemeriksaan kanser untuk kaum wanita.

“Selain berkaitan kebajikan dan bantuan, fokus kita menerusi Jelajah Kak Som juga memfokuskan tentang wanita sebab itulah ia melibatkan pelbagai agensi,” katanya.

Beliau berkata demikian kepada Melaka Hari Ini selepas Program Khidmat Bantu Di Rumah (KBDR) bersempena W.R.U.R DUN Kuala Linggi yang turut dihadiri Adun Kuala Linggi, Datuk Rosli Abdullah, di Kampung Telok, Kuala Sungai Baru, di sini, hari ini.

Menurut Kalsom, menerusi Jelajah Kak Som juga pelbagai peringkat usia akan disantuni dalam beberapa siri program termasuk ziarah kasih.

“Apabila disebut JKJ sudah pasti ia sinonim dengan bantuan selain JKJ ini kita menjaga semua orang, untuk itu menerusi jelajah ini kita akan turun ke kampung-kampung dan menyantuni semua termasuklah kanak-kanak dan orang kurang upaya (OKU),” katanya.

Sementara itu, Kalsom berkata, JKJ menerusi Adun Kuala Linggi akan membuat permohonan untuk membantu Mohd Sukery Nordin, 53, yang terlantar akibat lumpuh separuh badan sejak hampir dua tahun lalu menjalani sesi fisioterapi.

“Saya dimaklumkan oleh Mohd Sukery dia hanya membuat sendiri rutin fisioterapi di rumah, ini tidak mencukupi untuk itu kita akan minta Jabatan Kesihatan Negeri (JKN) membantu dalam menyediakan sesi fisioterapi di klinik kesihatan.

“Orangnya masih muda jadi kita tidak boleh diamkan sahaja sebaliknya perlu membantu dirinya untuk keluar dari tahap kesihatan sekarang ini,” katanya.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



KALSOM ketika menyampaikan bantuan lampin pakai buang dewasa kepada penerima memerlukan di Balai Raya Kampung Kuala Linggi. Foto Muhammad Rasul Azli Samad

KEBAJIKAN WARGA KUALA LINGGI TIDAK DILUPA

NORAFIQAH JAMAL
JUMAAT, 10 JANUARI 2025 @ 15:05

Masa Membaca: 1 Minit, 30 Saat

KUALA LINGGI 10 Januari – Seramai 137 warga Dewan Undangan Negeri (DUN) Kuala Linggi menerima bantuan kebajikan sempena program Wakil Rakyat Untuk Rakyat (W.R.U.R).

Exco Pembangunan Wanita, Keluarga dan Komuniti negeri, Datuk Kalsom Noordin berkata, Kerajaan Negeri telah memperuntukkan sebanyak RM130,000 bagi program tersebut dan sumbangan telah disalurkan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Negeri Melaka.

Menurut beliau, bantuan yang diberi merangkumi Bantuan Mesra Lampin Pakai Buang Dewasa; Bantuan Mesra Susu Kepada Pesakit Terlantar; Penerima Bantuan Baharu serta Bantuan Alat Tiruan / Alat Sokongan dan Kad OKU (orang kurang upaya).

“Kerajaan Negeri telah peruntukkan sebanyak RM130,000 dan memberi manfaat kepada penerima bantuan yang layak secara berfasa.

“Menerusi program W.R.U.R ini saya percaya dapat membawa impak positif kepada masyarakat khususnya DUN Kuala Linggi,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada Majlis Penyampaian Skim Bantuan Kerajaan Negeri dan Ziarah Kasih Sempena Program W.R.U.R DUN Kuala Linggi di Balai Raya Kampung Kuala Linggi, di sini, hari ini.

Hadir sama, Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Kuala Linggi, Datuk Rosli Abdullah; Timbalan Exco, Pembangunan Wanita, Keluarga dan Komuniti negeri, Leng Chau Yen; Timbalan Exco Kemajuan Desa, Pertanian dan Keterjaminan Makanan negeri, Low Chee Leong; Pengarah Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Melaka, Halyjah Muhamad serta kenamaan lain.

Mengulas lanjut, Kalsom berkata secara keseluruhan bagi tahun 2025, Kerajaan Negeri telah memperuntukkan sebanyak RM1.1 juta bagi program bantuan lampin dan susu untuk pesakit terlantar dalam daerah Alor Gajah.

“Berdasarkan statistik JKJ daerah Alor Gajah, sebanyak RM27.9 juta telah disalurkan kepada 6,506 penerima pada tahun lalu.

“Manakala bagi DUN Kuala Linggi peruntukkan dibelanjakan adalah sebanyak RM3.617 juta yang memberi manfaat kepada 760 penerima terdiri daripada warga emas, OKU, keluarga miskin dan mereka yang memerlukan untuk tempoh yang sama,” katanya.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Sesi Temu Rapat Menteri: kebajikan warga emas jadi keutamaan



Muzamir Ismail • 10 hours ago

KUALA LUMPUR – Sesi Temu Rapat Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan), Dr. Zaliha Mustafa bersama warga emas Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya menjadi platform dua hala bagi mengenal pasti keperluan serta cabaran golongan itu.

Program tersebut turut membincangkan isu kritikal seperti akses kepada perkhidmatan kesihatan, bantuan kewangan dan perumahan selamat.

Turut disarankan adalah penyelesaian praktikal melalui inisiatif seperti program latihan kemahiran, sokongan sosial serta penyediaan maklumat yang mudah diakses bagi memastikan kualiti hidup warga emas lebih terjamin.

Zaliha berkata, pendekatan 'whole-of-nation' itu diambil bagi memastikan warga emas mendapat perhatian yang sewajarnya.

"Kita mahu golongan warga emas terus disantuni dan tidak tercicir daripada pembangunan negara, sejajar dengan aspirasi Malaysia MADANI," katanya di sini hari ini.

Sesi itu disokong oleh pelbagai agensi kerajaan seperti Yayasan Kebajikan Negara (YKN), Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), Kementerian Ekonomi dan Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan & Putrajaya (JKWP&P).

Pihak swasta seperti Dr Optometry, Protect Health Corporation Sdn. Bhd., Haywood Senior Living dan Sunway Sanctuary Sunway City turut memainkan peranan penting.

Zaliha berkata, melalui maklum balas yang diterima, kerajaan berhasrat merumuskan dasar yang lebih sesuai dan berimpak positif kepada golongan sasaran.

"Ini termasuk menyokong inisiatif Program Usaha Jaya Insan (PUJI) yang menekankan nilai Lindung@PUJI," katanya lagi.

Sesi itu juga mengukuhkan hubungan strategik antara kerajaan dan pelbagai pihak bagi memastikan pelaksanaan program sosial lebih efektif, memberi manfaat kepada semua lapisan masyarakat khususnya warga emas di Wilayah Persekutuan.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Persekitaran kerja kondusif, galakkan penglibatan wanita

Nasional - Dicipta: 10 Januari 2025 11:46 AM - Kemas kini: 10 Januari 2025 11:46 AM



Foto RTM

PUTRAJAYA, 10 Januari- Persekitaran kerja yang kondusif perlu terus diwujudkan bagi menggalakkan penglibatan wanita.

Timbalan Ketua Setiausaha (Sektoral) Kementerian Ekonomi, Datuk Dr Yatimah Sarjiman berkata ini termasuk penyediaan peluang latihan dan pendidikan bagi mempersiapkan tenaga kerja mahir terutama dalam sektor peralihan tenaga.

"Kerjasama sentiasa menjadi asas kepada inovasi, terutamanya dalam industri yang dinamik seperti tenaga, sama ada projek perdagangan elektrik rentas sempadan atau penerokaan teknologi baharu muncul seperti tenaga nuklear.

"Kepelbagaian dalam pemikiran dan kepimpinan amat penting untuk mencari penyelesaian kepada cabaran yang kompleks.

"Dengan memupuk pasukan inklusif dan memanfaatkan pelbagai perspektif, kami boleh memastikan bahawa strategi kementerian teguh dan ke hadapan," katanya pada Majlis Pelancaran buku *Women in Energy* di sini.

Majlis disempurnakan Raja Permaisuri Perak, Tuanku Zara Salim.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



TAJUK : ANNUAL 'SEJAMBAK KASIH' PROGRAMME BRINGS CNY CHEER TO NEEDY FOLKS

HARI : SABTU

AKHBAR : THE BORNEO POST

TARIKH : 11 JAN 2025

M/SURAT : 03

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWK



Fatimah hands over an angpow to a recipient. On the minister's left is Teo.

Annual 'Sejambak Kasih' programme brings CNY cheer to needy folks



Jane Moh

janemoh@theborneopost.com

SIBU: A total of 100 underprivileged members from the Chinese community each received 'angpow' (cash packet) containing RM100 and a hamper from the Welfare Department (JKM) Sarawak at the 'Sejambak Kasih' programme, yesterday.

State Minister of Women, Childhood and Community Wellbeing Development Dato

Sri Fatimah Abdullah said the event at the Starlink Hotel here meant to bring Chinese New Year cheer to the recipients.

"This is an annual programme, which has been on-going for over 20 years.

"Our Sarawak government always ensures that the welfare of the underprivileged and needy groups is being taken care of, and it is their commitment towards ensuring that these people are never neglected."

Fatimah added that each recipient of the monthly assistance would also receive an additional RM100.

"The remaining recipients who did not show up today, should see the RM100 being credited to their respective bank accounts," she said.

According to her, there are 8,135 Chinese recipients of monthly assistance in Sarawak, with 1,819 of them being in Sibu.

Last year, a total of 56,044 monthly assistance recipients were recorded, involving a total aid amount of RM258,491,300.

Also present at the event was Councillor Paul Teo, representing Dudong assemblyman Datuk Seri Tiong King Sing.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Budak autisme hilang, pakaian dan kasut ditemui tepi longkang

Zuliaty Zulkiffli
am@hmetro.com.my



ANGGOTA bomba dan polis memfokus pencarian kanak-kanak autisme di kawasan longkang di Taman Tunku Tabor, Alor Setar. FOTO Ihsan JBPM.

Alor Setar: Kanak-kanak lelaki autisme berusia tujuh tahun dilaporkan hilang berhampiran rumahnya di Taman Tunku Tabor, Jalan Gangsa, di sini hari ini.

Operasi mencari dan menyelamatkan (SAR) kanak-kanak itu sedang dilakukan polis dan anggota Balai Bomba dan Penyelamat (BBP) Alor Setar.

Ketua Zon 1, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Kedah, Penguasa Kanan Bomba I Ahmad Aminuddin Abd Rahim berkata, pihaknya menerima panggilan berhubung kejadian pada 7.30 malam dan sepasukan 11 anggota dan jentera ke lokasi.

"Berdasarkan maklumat ibu mangsa, pakaian serta kasut kanak-kanak itu ditemui di tepi longkang, kira-kira 200 meter dari rumahnya.

"SAR dilakukan sekitar kawasan berkenaan dan maklumat lanjut akan dimaklumkan dari semasa ke semasa," katanya dalam kenyataan hari ini.

Beliau turut memberitahu longkang berkenaan besar dan berkedalaman antara satu hingga 1.5 meter serta salirannya bersambung hingga Sungai Kedah di belakang muzium negeri.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Cabul remaja 14 tahun, lelaki dipenjar 5 tahun, 2 sebatan

10 Januari 2025, 3:46pm



Pekerja kilang yang baru menimang cahaya mata 2 minggu mengaku salah kerana tuduhan amang seksual dipenjar 5 tahun dan dua sebatan. – Foto NSTP

MUAR: Pekerja kilang yang baru dua minggu menimang cahaya mata pertama didakwa di Mahkamah Sesyen di sini, hari ini, atas pertuduhan amang seksual fizikal terhadap remaja perempuan dalam sebuah kedai perkakasan rumah di Batu Pahat, Sabtu lalu.

Tertuduh, Ng Wei Sheng, 29, bagaimanapun mengaku salah sebaik pertuduhan dibaca oleh jurubahasa sebelum Hakim Sayani Mohd Nor menjatuhkan hukuman penjara lima tahun dan dua sebatan terhadapnya.

Mengikut pertuduhan, pekerja kilang itu didakwa melakukan perbuatan itu terhadap remaja yang juga pelajar berusia 14 tahun dalam sebuah kedai perkakasan rumah di Taman Banang Jaya, Batu Pahat, antara 4 hingga 4.10 petang Sabtu lalu.

Dia didakwa mengikut Seksyen 14 (a) dan boleh dihukum mengikut Seksyen 14 Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak (AKKSTKK) 2017, penjara sehingga 20 tahun dan juga sebatan.

Berdasarkan fakta kes, mangsa bersama rakan berkunjung ke premis itu sebelum menaiki tingkat atas untuk memilih barangan.

Secara kebetulan, tertuduh juga berada di tingkat atas dan mangsa yang sedang memilih barangan, disentuh oleh lelaki itu.

Dalam keadaan ketakutan, mangsa melarikan diri bertemu rakan di tingkat bawah lalu menceritakan kejadian sebenar.

Selepas kejadian itu, rakannya menghubungi ahli keluarga mangsa yang tinggal berdekatan dengan perbuatan itu turut dirakam melalui kamera litar tertutup (CCTV).

Susulan kejadian itu, mangsa ditemani ahli keluarga membuat laporan di Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Batu Pahat, pada hari sama.

Bertindak atas maklumat itu, polis menjalankan siasatan dan menahan tertuduh juga pada hari sama.

Pendakwaan dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya, Diyana Najihah Muhamed Fauzi manakala tertuduh tidak diwakili peguam.

Selain menjatuhkan hukuman penjara dan sebatan, mahkamah turut memerintahkan tertuduh menjalani pengawasan polis setahun sebaik selesai hukuman.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Bekas guru besar didakwa peluk, cium guru pelatih

Oleh Meor Riduwan Meor Ahmad - Januari 10, 2025 @ 6:17pm
bhnews@bh.com.my



Bekas guru besar, Mohammed Mohd Som (tengah) di Mahkamah Majistret Alor Gajah, hari ini. - Foto NSTP/Meor Riduwan Meor Ahmad.

ALOR GAJAH: Bekas guru besar sebuah sekolah di sini, didakwa di Mahkamah Majistret hari ini atas pertuduhan memeluk dan mencium seorang bekas guru pelatih wanita, tahun lalu.

Mohammed Mohd Som, 58, mengaku tidak bersalah dan minta dibicarakan sejurus tiga pertuduhan dibacakan jurubahasa mahkamah di hadapan Majistret Dr Teoh Shu Yee.

Mengikut pertuduhan pertama dan kedua, tertuduh didakwa menggunakan kekerasan jenayah terhadap seorang guru pelatih wanita berusia 21 tahun ketika kejadian dengan cara memeluk dan mencium dahi mangsa.

Perbuatan itu didakwa dilakukan di dalam sebuah kereta di hadapan sebuah premis di Taman Wira Indah dan Taman Ilir Jaya, dekat sini, pada 18 Januari dan 30 Julai 2024, kira-kira jam 11 malam.

Bagi pertuduhan ketiga, Mohammed didakwa melakukan kesalahan sama dengan cara memeluk dan mencium pipi mangsa di dalam tandas kelas prasekolah sebuah sekolah di Lubok China, dekat sini, pada 16 Ogos 2024, kira-kira 10.40 pagi.

Tertuduh didakwa mengikut Seksyen 354 Kanun Keseksaan, sabit kesalahan boleh dipenjara maksimum 10 tahun atau denda atau sebat atau mana-mana dua daripada hukuman itu.

Timbalan Pendakwa Raya, Fiqri Hakim Zamri menawarkan jaminan RM24,000 dengan seorang penjamin bagi semua pertuduhan, namun peguam Datuk Hanif Hassan merayu jumlah itu dikurangkan kepada RM8,000.

Katanya, anak guamnya kini bertugas di Jabatan Pendidikan Negeri Melaka dan tidak berisiko melarikan diri.

Mahkamah membenarkan tertuduh dilepaskan dengan jaminan RM7,500 bagi semua pertuduhan dengan seorang penjamin sementara menunggu perbicaraan selesai dan kes ditetapkan untuk sebutan semula pada 6 Mac ini.